Tatatertib

Prinsip am untuk tingkah laku yang wajar

ZF Compliance.
The right way!

Kandungan

03 Kata pengantar
04 Hak dan tanggungjawab
05 Perlakuan pasaran adil dan bebas
06 Memerangi rasuah
08 Mengelakkan konflik kepentingan
09 Tanggungjawab sosial
10 Keselamatan pekerjaan dan kesihatan dan perlindungan alam sekitar
11 Pematuhan ('compliance') produk
12 Pengendalian maklumat
13 Notis dan laporan
14 Prinsip kami merangkumi
15 Hubungi

Kepada Rakan Sekerja,

Dengan pengambilalihan beberapa peniagaan dan pelaksanaan strategi yang lebih fokus, ZF telah mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju di dalam industri automotif. ZF sentiasa komited terhadap kecemerlangan, kejujuran, integriti dan tingkah laku yang mematuhi semua undang-undang berkenaan. Di ZF, pematuhan ialah satu elemen penting untuk memastikan kesinambungan kecemerlangan ini dan kejayaan jangka panjang bagi syarikat. Aktiviti yang menyalahi undang-undang tidak diterima sama sekali dan ditolak sepenuhnya, tanpa sebarang pengecualian.

Kita meletakkan keutamaan tertinggi terhadap tingkahlaku perniagaan yang bersesuaian, bertanggungjawab dan mampan, ini merupakan asas kepada kepercayaan yang telah diwujudkan dengan masyarakat dan pelanggan, pelabur dan rakan perinagaan. Kita harus meneruskan usaha untuk mendapatkan kepercayaan ini setiap hari. Untuk itu, tindakan kita mestilah sentiasa berasaskan etika perniagaan dan piawaian yang tertinggi, undang-undang yang berkenaan dan polisi ZF.

Tatacara Tingkahlaku adalah kunci untuk mencapai dan mengekalkan halatuju kita, mejadi asas kepada nilai dan prinsip asas kita. Tatacara Tingkahlaku menyediakan garispanduan apabila kita menghadapi persoalan mengenai pematuhan dan tingkahlaku yg betul. Nilai-nilai dan prinsip asas menyediakan peraturan yang mesti menjadi garis panduan di dalam keputusan perniagaan kita. Adalah sangat penting bagi kita bukan hanya membaca dan memahami nilai-nilai dan prinsip asas di dalam Tatacara Tingkahlaku, tetapi kita juga mestilah mematuhi dan mengamalkannya di dalam aktiviti perniagaan seharian kita.

Adalah menjadi tanggungjawab bersama kita untuk mengekal dan mengembangkan kepercayaan yang telah kita wujudkan selama ini.

Friedrichshafen, Julai 2018

Wolf-Henning Scheider
Ketua Pegawai Eksekutif
ZF Friedrichshafen AG

Jürgen Holeksa
Ahli Lembaga Pengurusan
ZF Friedrichshafen AG

01 Hak dan tanggungjawab

Syarikat dan kesemua kakitangan bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan dan garis panduan dalaman.

Kesemua kakitangan ZF secara peribadi bertanggungjawab untuk berpegang teguh kepada undang-undang dan mematuhi segala garis panduan dalaman di persekitaran kerja mereka. Keutamaan ZF adalah untuk mematuhi peruntukan undang-undang berkanun, peraturan dan garis panduan dalaman, serta tingkah laku yang sah dan betul. Tiada urusan dan transaksi perniagaan dapat mewajarkan pelanggaran undang-undang dan etika.

Kita bertanggungjawab terhadap produk dan tugas sendiri. Selain daripada itu, kita juga bertanggungjawab secara etika terhadap pekerja, masyarakat, rakan kongsi perniagaan dan persekitaran. Demi memenuhi tanggungjawab ini, kita semua haruslah bertindak mengikut undang-undang, jujur dan bertanggungjawab.

Khususnya, pengurus eksekutif ZF menjamin, dalam bidang kuasa mereka, bahawa akan mematuhi peruntukan undang-undang berkanun yang tertera, garis panduan dalaman dan prinsip Kod Tatasusila. Kumpulan ZF mengkehendaki semua pekerja untuk memahami dan mematuhi kandungan garis panduan tersebut dan undang-undang berkaitan serta menasihati rakan sekerja mereka untuk melakukan perkara yang sama. ZF tidak akan bertoleransi terhadap pelanggaran garis panduan dalaman atau peruntukan undang-undang berkanun dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pesalah laku tersebut tanpa mengira kedudukan pekerja tersebut dalam struktur organisasi syarikat.

Kumpulan ZF juga mengkehendaki semua rakan kongsi perniagaan untuk mematuhi segala undang-undang berkenaan, piawaian tanggungjawab sosial yang diterima pakai secara umum dan prinsip-prinsip asas integriti.

02 Perlakuan pasaran adil dan bebas

Kami menyokong sepenuhnya semua prinsip persaingan yang adil dan bebas sebagai komponen utama pasaran ekonomi.

Persaingan yang Adil

Semua pekerja ZF bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang 'antitrust' dan undang-undang persaingan yang relevan. ZF melarang sebarang tingkah laku yang bertujuan atau mewujudkan halangan, sekatan atau penyelewengan terhadap persaingan yang bebas dan adil. Kebolehan daya saing kami adalah berdasarkan sepenuhnya kepada faktor- faktor kejayaan perniagaan kami, terutamanya kemantapan inovatif, kualiti, kebolehpercayaan dan keadilan. Oleh itu, Kumpulan ZF sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan 'antitrust' apabila berurusan dengan pesaing, rakan sekerja, dan pelanggan. Secara khususnya, ZF tidak akan bertolak ansur dengan:

- Kontrak anti- persaingan, perjanjian atau pakatan sulit dengan pesaing semasa atau akan datang, termasuk tetapi tidak terhad kepada perjanjian yang bertujuan untuk menetapkan harga atau premium, menghadkan jenis atau kuantiti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, penipuan bidaan atau pembahagian pasaran;
- Penyalahgunaan kedudukan utama dalam pasaran tertentu;
- Pakatan sulit atau kontrak (dengan pembekal atau pelanggan) yang bertujuan untuk mencegah atau menyekat persaingan yang bebas dan adil dimana menyalahi undang-undang relevan

Kawalan Eksport

Dengan aktiviti – aktiviti global kami dan bila memasuki pasaran baru, Kumpulan ZF mematuhi peraturan perdagangan antarabangsa, peraturan kawalan import dan eksport, serta sebarang sekatan ekonomi yang berkenaan.

03 Memerangi rasuah

Sebagai sebahagian daripada operasi perniagaan kami di seluruh dunia, Syarikat ZF tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah.

Pengharaman Rasuah

Rasuah dilarang oleh semua konvensyen antarabangsa, undang-undang kebangsaan dan garis panduan dalaman. ZF tidak akan bertoleransi dengan sebarang bentuk rasuah di kalangan pekerja atau rakan kongsi perniagaan, atau mana-mana amalan perniagaan yang boleh mewujudkan kesangsian atau pengaruh yang tidak wajar. Peraturan ini berkuatkuasa tanpa mengira sebarang adat resam di mana mana lokasi.

Semua pekerja ZF dilarang daripada secara langsung atau tidak langsung untuk menuntut, menerima, menawarkan atau memperolehi sebarang faedah di dalam transaksi perniagaan jika ianya bertujuan untuk mempengaruhi prosedur – prosedur perniagaan secara tidak jujur, walaupun jika ianya hanya memberi gambaran sedemikian. Syarikat ZF akan memastikan semua pekerjanya berintegriti, terutamanya di dalam semua urusan perniagaan yang berkaitan dengan pegawai awam dan pihak berkuasa di Jerman dan di luar negara. Perlu diingatkan bahawa di kebanyakan negara dan tempat kita beroperasi, syarikat-syarikat adalah biasanya dimiliki atau mempunyai pelaburan dari pihak kerajaan negara tersebut. Pekerja- pekerja syarikat ini boleh digolongkan sebagai pegawai awam dan haruslah berhati-hati apabila berurusan dengan mereka.

Pembayaran berbentuk pemudahan atau fasilitasi tidak dibenarkan. Bayaran pemudahan atau fasilitasi adalah bayaran kepada pegawai awam yang tidak dikehendaki oleh undang-undang, dengan tujuan untuk mendorong pegawai awam tersebut untuk mempercepatkan atau menjalankan segala tindakan rasmi yang sememangnya telah dimaktubkan. Larangan terhadap bayaran pemudahan ini berkuatkuasa tanpa mengambil kira sama ada bayaran seperti ini dibenarkan atau tidak di bawah undang-undang tempatan.

Hadiah, Jemputan dan Ganjaran yang Lain

Apabila memberi atau menerima ganjaran dalam bentuk hadiah atau jemputan, kami dengan tegas akan memastikan yang ianya tidak menyalahi undang-undang atau tidak sesuai dan juga ianya tidak memberikan gambaran yang salah seperti ketidakjujuran atau tatacara yang salah. Kami juga tidak bertoleransi terhadap apa jua ganjaran yang boleh menimbulkan sebarang keraguan terhadap integriti kami ataupun yang boleh mempengaruhi keputusan perniagaan. Tanggapan

sebegini boleh dicetuskan oleh ganjaran yang mana nilainya, skop, kekerapan dan/atau masa yang tidak sesuai. Faktor-faktor ini boleh mewujudkan tanggapan bahawa sesuatu pertimbangan diharapkan daripada penerima ganjaran tersebut.

Sumbangan

Sejajar dengan tanggungjawab sosial korporat kami, kami membuat sumbangan untuk mempromosikan pendidikan, budaya, sosial atau tujuan kemanusiaan dan sukan. Apa- apa sumbangan mestilah tidak dikaitkan sebagai balasan untuk prestasi ZF.

Penajaan

ZF sentiasa menggunakan aktiviti penajaan sendiri untuk mencapai objektif, mana- mana pengiklanan atau perhubungan awam yang berkaitan dengan syarikat. Dalam konteks ini, kami memastikan prosedur yang bersesuaian dan telus.

Penggubahan Wang Haram (Money Laundering)

Penggubahan wang haram adalah istilah yang digunakan untuk proses memindahkan wang daripada sumber atau aktiviti perniagaan yang haram kepada saluran yang sah supaya sumber asalnya tidak boleh dikesan dan kelihatan seperti kewangan yang telah diperolehi secara sah. Kami berusaha membantu di dalam pertempuran antarabangsa terhadap penggubahan wang haram dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai dan mematuhi peruntukan undang-undang berkanun yang relevan.

Ketelusan dan Dokumentasi

Di ZF, kami memastikan semua urusan perniagaan, keputusan dan aktiviti dilakukan secara telus. Kami memastikan perkara ini dengan amalan dokumentasi bertulis dan semakan yang kerap. Sejajar dengan objektif kami untuk mempunyai aktiviti perniagaan yang berjaya dan mampan, kami menarik pelanggan dengan produk, inovasi, kualiti dan servis.

Kesemua pengambilalihan data, rekod dan laporan sama ada dalaman atau luaran mestilah benar, tepat dan lengkap. Kami mengkehendaki semua pekerja untuk menumpukan sepenuh perhatian di dalam semua proses dan juga mematuhi semua piawaian yang sah. Ini termasuklah mematuhi prinsip perakaunan yang diterima pakai secara umum.

04 Mengelakkan konflik kepentingan

Kami membuat keputusan berdasarkan perniagaan dan kepentingan syarikat. Kami juga memastikan bahawa keputusan perniagaan tidak dipengaruhi oleh kepentingan persendirian atau peribadi.

Konflik Kepentingan

Di dalam kumpulan ZF, kami membuat keputusan hanya berdasarkan pertimbangan perniagaan dan kepentingan syarikat.Kami memastikan tiada gambaran tingkah laku yang bertentangan dengan etika perniagaan diberikan.

Kami mengkehendaki semua kakitangan mengambil pendirian berkecuali di dalam semua situasi bagi memastikan segala pertimbangan dan keputusan yang dibuat tidak dipengaruhi oleh aspek kepentingan peribadi dan keluarga.

Semua pekerja ZF mesti memaklumkan dengan segera kepada pihak yang berkenaan apabila kepentingan peribadi mereka bercanggah dengan kepentingan ZF dan haruslah merujuk dengan pegawai atasan yang bertanggungjawab bagi memastikan bahawa tindakan yang wajar diambil untuk mencegah atau menyelesaikan masalah konflik kepentingan.

Pekerjaan Kedua & Penyertaan

Syarikat ZF menggalakkan dan menyokong kakitangan ZF bergiat dalam aktiviti sukarela di kelab dan institusi lain, dengan syarat aktiviti berkenaan tidak bercanggah dengan kepentingan ZF dan tidak bercanggah dengan tugasan yang ditetapkan dalam kontrak pekerjaan. Pekerjaan kedua dan penyertaan (ekuiti) dalam sesebuah syarikat yang bukan milik ZF atau di dalam organisasi lain tidak harus menjejaskan kepentingan Kumpulan ZF. Perkara ini juga memerlukan kebenaran dan kelulusan terlebih dahulu berdasarkan peraturan undang-undang buruh.

05
Tanggungjawab sosial

Kami menerima tanggungjawab korporat dan sosial dan menganggap ini sebagai faktor utama dalam mengekalkan kejayaan syarikat.

Hak Asasi Manusia
Kami menghormati dan menyokong hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kami amat komited untuk memenuhi tanggungjawab korporat dan sosial melalui keahlian kami dalam United Nations Global Compact.

Kami berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan suasana kerja yang bercirikan sikap saling menghormati, kepercayaan, toleransi dan keadilan untuk para pekerja dan di dalam kontrak dengan rakan perniagaan. Kami menghormati maruah, privasi dan hak peribadi setiap individu.

Tiada Pemerdagangan Manusia, Tiada Buruh Paksa dan Tiada Buruh Kanak-kanak
Kami menolak sebarang bentuk pemerdagangan manusia, buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Semua tugasan yang dilakukan di dalam Kumpulan ZF mestilah dilakukan secara sukarela. Kami menyokong penghapusan aktiviti perhambaan, buruh paksaan dan pengeksploitasian buruh kanak-kanak. Di ZF, kami sentiasa mematuhi peraturan umur minimum bekerja yang ditetapkan di dalam undang-undang negara.

Kesaksamaan dan Peluang Sama Rata
Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang diskriminasi terhadap bangsa, jantina, agama, umur, kewarganegaraan, asal usul sosial atau etnik, kurang upaya, kepercayaan, orientasi seksual, atau penglibatan dalam politik dan kesatuan sekerja, serta ciri-ciri lain yang dilindungi dibawah naungan undang-undang yang ditetapkan.

Prinsip ini digunapakai semasa pengambilan pekerja baru, pekerja yang berada di dalam kontrak pekerjaan yang sah, dan sewaktu kenaikan pangkat profesional pekerja kami. Untuk ini, faktor penentuan hanyalah prestasi kerja, perwatakan, pengalaman, kemampuan/kemahiran dan kelayakan.

06 Keselamatan pekerjaan dan kesihatan dan perlindungan alam sekitar

Keselamatan di tempat kerja, pemeliharaan dan penggalakkan kesihatan, kecergasan dan kepuasan pekerjaan beserta dengan pengurangan pencemaran alam sekitar adalah prinsip asas yang ditekankan pada operasi perniagaan.

Kumpulan ZF mematuhi keperluan dan piawaian undang-undang yang sah bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta mengambil langkah - langkah yang sesuai berhubungan dengannya.

Sepanjang waktu bekerja, kakitangan kita mesti melaksanakan keperluan dan perlindungan keselamatan dan kesihatan seperti dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan dalaman.

Kami menghormati habitat semula jadi planet kita dan komited untuk memelihara sumber dan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Komitmen terhadap perlindungan alam sekitar menjadi asas kepada kerja kami.

Berasaskan prinsip ini, kami komited untuk merekabentuk produk yang mesra alam, mengurangkan impak terhadap alam sekitar yang terhasil dari proses perniagaan kami, sentiasa meningkatkan usaha untuk melindungi alam sekitar dan penggunaan tenaga, dan seterusnya menjadikan kami sebagai global model dalam initiatif ini.

07 Pematuhan ('compliance') produk

"Tingkah laku yang sah, jujur dan bertanggungjawab merupakan komponen penting bagi budaya korporat ZF."

Lembaga Pengurusan, ZF Friedrichshafen AG

Pematuhan produk adalah keutamaan yang penting bagi ZF.

ZF mengenakan piawaian tertinggi dari segi undang-undang dan tatacara etika, dan komited dalam mengeluarkan produk yang selamat dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian yang berkaitan. Prinsip ini dilaksanakan melalui polisi, proses dan struktur ZF, dan semua kakitangan ZF dikehendaki mematuhi kesemua piawaian ini.

08
Pengendalian maklumat

Kumpulan ZF memelihara dan melindungi rahsia perniagaan, maklumat dan data yang sensitif.

Perlindungan Maklumat Sulit
Keupayaan kita dalam menghasilkan innovasi adalah faktor yang sangat penting demi kejayaan dalam persaingan antarabangsa. Oleh itu, adalah sangat penting bagi ZF, sebagai peneraju dalam bidang teknologi global untuk melindungi hak- hak dan kepakaran harta intelek.

Justeru itu, kami memastikan bahawa maklumat sensitif berkaitan dengan perniagaan, teknikal, kewangan, pengetahuan dan rahsia perdagangan dilindungi dengan sewajarnya dan tidak diberikan tanpa kebenaran. Selaras dengan itu, ZF juga menghormati rahsia perniagaan rakan niaga dan pesaing kami.

La adalah tanggungjawab dan kewajiban kakitangan ZF untuk merahsiakan maklumat – maklumat yang sensitif dan rahsia perniagaan.

Perlindungan Data
Dalam semua proses perniagaan, Kumpulan ZF berusaha melindungi hak privasi, selaras dengan mematuhi undang-undang yang sah. Selain itu, Kumpulan ZF juga telah melaksanakan prinsip pengendalian data peribadi yang digunapakai di seluruh dunia.

Keselamatan IT
Ketersediaan dan integriti sistem IT kami adalah sangat penting. Segala data peribadi dan perniagaan dilindungi daripada akses - akses yang tidak dibenarkan, kehilangan data atau daripada dimanipulasi dengan menggunkan semua kaedah teknikal dan organisasi yang ada. Ini dilakukan dengan mengambil kira dan selaras dengan undang-undang negara yang berkuatkuasa.

Oleh itu, ZF telah menubuhkan satu sistem pengurusan maklumat yang telah didokumentasi, disokong, diluluskan dan diselenggara demi melindungi keselamatan maklumat dengan berkesan. Sistem ini, Information Security Managament System (ISMS), memastikan kepakaran kami dan pelanggan adalah dilindungi.

Maklumat Dalaman
Maklumat dalaman adalah maklumat yang tidak diketahui umum, yang dianggap penting oleh para pelabur dan boleh mempengaruhi keputusan pelaburan mereka. Maklumat tersebut mestilah dilindungi dan dikawal dengan ketat. lanya tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga. Pemerolehan atau penjualan, atau pengesyoran pembelian atau penjualan sekuriti berdasarkan maklumat dalaman adalah dilarang.

09 Notis dan laporan

Kumpulan ZF menuntut dan menggalakkan aktiviti perniagaan yang telus. Selaras dengan kepercayaan itu, pekerja boleh menghubungi kami pada bila-bila masa secara sulit.

Sejajar dengan langkah – langkah melindungi daripada perbuatan atau tindakan yang boleh memusnahkan syarikat, mencegah penipuan dan jenayah kolar putih serta melindungi pekerja, setiap pekerja disarankan untuk melaporkan tentang perbuatan jenayah, kekurangan atau risiko di dalam syarikat. Pekerja boleh menggunakan saluran pelaporan yang lazim (organisasi pematuhan ('compliance organization'), pegawai atasan, Jabatan Sumber Manusia, jabatan audit atau pegawai penyelia yang bertanggungjawab terhadap mereka). Selain itu, pihak ZF juga menyediakan saluran pelaporan tanpa nama untuk melaporkan pelanggaran pematuhan undang-undang melalui ZF Trustline:
https://www.bkms-system.net/ Trustline

Semua laporan adalah sulit, pertanyaan dan kebimbangan pekerja akan dilindungi sepenuhnya dan dijaga sebaik mungkin. Kumpulan ZF akan membuat susulan terhadap semua laporan yang dilaporkan dan akan mengambil langkah – langkah pencegahan yang diperlukan. Dalam proses ini, Kumpulan ZF menolak sebarang bentuk diskriminasi atau serangan terhadap orang yang melaporkan situasi tersebut kepada Kumpulan ZF secara jujur. Walaubagaimanapun, penyalahgunaan ZF Trustline secara sengaja (cth. dengan memberikan laporan yang palsu) juga adalah dilarang.

ZF tidak akan bertolak ansur dengan salah laku dan pelanggaran peruntukan undang undang berkanun dan pengawalaturan yang berkuatkuasa, peraturan dalaman, dan kod tatalaku. Semasa melaksanakan langkah - langkah yang diperlukan, Kumpulan ZF mengamalkan prinsip perkadaran, yang bermaksud bahawa dalam setiap kes, Kumpulan ZF akan mempertimbangkan denda yang wajar, sesuai dan perlu dilaksanakan dengan teliti, yang mungkin juga menyebabkan penamatan perkhidmatan.

Prinsip kami merangkumi

Hubungi

Pekerja yang mempunyai sebarang soalan atau keraguan mengenai peraturan yang dinyatakan seperti di atas bolehlah menghubungi pihak atasan mereka pada bila-bila masa. Selain itu, Organisasi Pematuhan (Compliance Organization), terutama sekali, Meja Bantuan Pematuhan ('Compliance HelpDesk'), bersedia untuk membantu pekerja dalam semua hal yang berkaitan dengan perkara Pematuhan.

Hubungi Organisasi Pematuhan
E-mel: compliance@zf.com

Pekerja ZF boleh mendapatkan maklumat tambahan dalam intranet di
https://sl.zf-world.com/Compliance

ZF Friedrichshafen AG
ZF Forum | Ibu Pejabat
Löwentaler Straße 20
88046 Friedrichshafen
Jerman

www.zf.com

twitter.com/zf_konzern
facebook.com/zffriedrichshafen
youtube.com/zffriedrichshafenag